

05/09/1998

Tindakan drastik untuk kebaikan parti

KETIKA mengumumkan keputusan sebulat suara Majlis Tertinggi (MT) Umno mengenai pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada keanggotaan Umno lewat awal pagi semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ditanya siapakah yang akan menjawat jawatan Timbalan Presiden parti? Dr Mahathir yang juga Presiden Umno tidak memberi sebarang nama. Sememangnyaalah demikian kerana Timbalan Presiden Umno, bukanlah jawatan yang dilantik. Ia adalah jawatan yang dipilih oleh perwakilan dalam perhimpunan agung parti, tiga tahun sekali.

Bagaimanapun, sebagai Perdana Menteri, beliau mempunyai hak untuk melantik seorang Timbalan Perdana Menteri kerana jawatan yang disandang oleh Anwar itu, juga dilucutkan sehari sebelum itu. Meski pun keputusan terletak di tangannya, Dr Mahathir tidak juga berbuat demikian.

Jika timbul persoalan sekali pun, ia mungkin dari aspek mengapa jawatan itu tidak diisi? Mengikut tradisi, salah seorang daripada tiga Naib Presiden Umno mempunyai kelebihan untuk menjawat jawatan Timbalan Perdana Menteri atau setidak-tidaknya Pemangku Timbalan Perdana Menteri. Disebabkan jawatan itu dikosongkan dalam suasana yang agak mengejutkan, bolehlah diandaikan setakat ini Dr Mahathir belum memikirkan calon yang difikirkan sesuai.

Ini mungkin kerana sebelum ini beliau begitu yakin bahawa Anwar adalah satu-satunya pengganti beliau, sama ada dalam parti atau kerajaan. Dr Mahathir bukan mudah untuk mempercayai rakan dan tidak juga mudah terpengaruh dengan hasutan. Segala keputusannya dibuat dengan teliti. Anwar adalah antara anak didik yang dipercayainya selama ini.

Berikutan perkembangan terbaru yang datang begitu mendadak, Dr Mahathir tidak sempat memikirkan calon yang akan mengisi kerusi nombor dua tertinggi dalam kerajaan itu. Jika pelucutan jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan serta pemecatan Anwar dari Umno adalah satu perancangan politik, sudah tentunya lah Dr Mahathir mempunyai calon pengganti jawatan itu.

Dengan tidak membuat pelantikan itu, Dr Mahathir mungkin tidak mahu membelakangkan keputusan parti. Jika beliau melantik seorang Timbalan Perdana Menteri, tindakannya itu pasti akan mempengaruhi keputusan pemilihan pucuk pimpinan parti tahun depan. Siapa saja yang dilantik menjawat jawatan itu, akan mendapat laluan mudah dipilih sebagai Timbalan Presiden Umno. Ini kerana pemegang jawatan Timbalan Presiden Umno, umumnya adalah Timbalan Perdana Menteri.

Pelucutan jawatan Anwar daripada Kabinet dan pemecatan daripada parti tidak seharusnya menjadi isu yang boleh dipergunakan oleh musuh Umno. Pemecatan seseorang pemimpin bukanlah perkara luar biasa kerana ia pernah berlaku dalam Umno.

Dr Mahathir sendiri pernah dipecat daripada Umno. Anwar memilih untuk dipecat sama ada jawatannya dalam kerajaan atau parti walaupun beliau boleh membuat pilihan meletakkan jawatan. Meskipun keputusan itu agak drastik, ia adalah untuk kebaikan parti. Jika Anwar dibenarkan terus menjadi ahli parti, kemungkinan besar ia akan menimbulkan bibit-bibit perpecahan dalam Umno.

Sebagai sebuah negara yang pesat membangun dan kini menghadapi kegawatan ekonomi yang perlu dirawat segera, kerjasama antara pemimpin tertinggi untuk membuat keputusan segera, begitu mendesak. Jika Perdana Menteri dan timbalannya tidak dapat lagi duduk semeja bertukar pendapat, mereka tidak

boleh lagi dianggap secocok dan sehaluan.

Dalam menerajui kerajaan, banyak perkara yang harus dirunding dan diselesaikan bersama. Jika ini tidak lagi dapat dilakukan kerana curiga dan syak-wasangka, adalah lebih baik sesuatu perkara itu tidak dibincangkan. Kegagalan berterus terang antara satu dengan lain menimbulkan stigma tidak mempercayai antara satu dengan lain seterusnya menjejaskan hubungan tugas harian. Apakah kita mahu kerjasama yang tidak berkesan di kalangan pemimpin tertinggi negara sedangkan Dr Mahathir memperjuangkan prinsip perkongsian bestari.

Jika kebelakangan ini terlalu banyak timbul desas-desus hubungan tidak akrab Dr Mahathir-Anwar yang digembar-gemburkan oleh media asing, semuanya berpunca daripada perasaan tidak mempercayai antara satu dengan lain. Hubungan Dr Mahathir-Anwar tidak lagi sesuai sebagai rakan kerja berikutan bukti dakwaan yang diperolehinya mengenai perilaku Anwar yang tercemar.

(END)